

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam:-

1.1 Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 13 Oktober 2026.

**JPt/TAW/12/2026-2027: PEMELIHARAAN SALIRAN LADANG BAGI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN DI DAERAH BRUNEI MUARA ZON 'D' BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.
(Yuran Tawaran \$50.00 | Borang Tawaran \$15.00)**

2. Tarikh mula tawaran adalah pada **Isnin, 14 September 2026**.
3. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri **sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.**
5. Dokumen dan borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
6. Yuran Tawaran adalah dikehendaki bagi setiap tajuk dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
8. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
9. Penender hendaklah menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor Dan Pembekal **yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan di dalam Kelas III sahaja, S02 dan "Labour Quota License".**
10. Untuk keterangan lanjut mengenai tawaran tersebut di atas bolehlah menghubungi ke Seksyen Kejuruteraan Pertanian **(+673) 2682648** atau melalui emel **engineering@agriculture.gov.bn.**
11. Tawaran yang diiklankan di atas boleh dilayari melalui laman sesawang Jabatan Pertanian dan Agrimakanan seperti berikut:-

PEMELIHARAAN SALIRAN LADANG BAGI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN DI DAERAH BRUNEI MUARA ZON 'D' BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

Website: <http://www.agriculture.gov.bn>